

aab

Mahathir - British

KERAJAAN BRITISH BOLEH REDAKAN KEADAAN

I

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata London boleh meredakan pergeseran antara Malaysia dan media British dengan membuat penjelasan mengenai projek empangan Pergau kepada mereka.

Perdana Menteri berkata "bagi saya kita tidak bergaduh dengan kerajaan British, kita tidak bergaduh dengan rakyat British, yang kita bergaduh ialah dengan pihak akhbar yang menyiarkan berita bohong."

Bagaimanapun, beliau berkata, "saya fikir kerajaan British tahu keadaan yang sebenar mengenai projek Pergau... berapa banyak wang yang mereka bayar, sama ada dalam bentuk pinjaman atau dalam bentuk bantuan."

"Ia harus diperjelaskan kepada akhbar kerana akhbar terang-terang menerbitkan laporan yang tidak betul, jadi kerajaan British boleh berkata ia bukan bantuan, ia adalah pinjaman," katanya ketika menjawab pertanyaan pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini.

Perdana Menteri berkata beliau tidak mahu mengulas mengenai kerajaan British tetapi menambah, "maksud saya jika rakyat di England mahu menggantikan kerajaan, mereka hendaklah berbuat demikian sendiri tanpa meminta bantuan saya." -- Lagi

▼04/03/21-59MST

R GB 04-03 00192 BB411

aab

Mahathir - British 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir memberitahu persidangan akhbar yang turut disertai beberapa orang wartawan British: "Ia nampak seolah-olah media British sangat berminat untuk menukarkan kerajaan sekarang tetapi jangan minta pertolongan saya kerana saya tidak berminat dalam politik Britain."

Mengenai sama ada beliau kecil hati dengan kenyataan Perdana Menteri John Major, Dr Mahathir berkata, "saya tidak mahu membuat sebarang ulasan mengenai kenyataan Major, saya tidak kata apa-apa terhadapnya."

Beliau menegaskan bahawa kerajaan tidak bergaduh dengan kerajaan British dan menambah, "kita sudah tentu tidak mengharapkan dia untuk mengawal ketat terhadap akhbar tetapi saya tidak tahu sama ada seseorang perlu menyokong pembohongan oleh pihak akhbar."

Media British perlu belajar untuk melaporkan yang benar bahawa Malaysia tidak mendapat sebarang bantuan British bagi projek Pergau kerana "semua yang kita dapat ialah pinjaman, katakan ia pinjaman, jangan kata ia adalah bantuan."

Dr Mahathir berkata mana-mana kerajaan yang memberikan bantuan meliputi kos separuh daripada kos projek itu adalah bodoh.

"Saya tak fikir kerajaan British begitu bodoh, mereka berikan kita pinjaman, oleh itu katakan ia pinjaman, tidak ada bantuan yang terlibat. -- Lagi

▼04/03/22-02MST

aab

Mahathir - British 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Beljan berkata "kerajaan pada masa itu sedang berunding untuk membeli senjata tetapi patutkah kita menghentikan membeli senjata pada masa kita sedang berunding mengenai kontrak untuk membina empangan itu".

"Tidak ada kaitan tetapi jika kerajaan British berkeras bahawa semasa kita membeli senjata daripada mereka, kita tidak harus memberi sebarang kontrak kepada mereka, itu adalah bagus, kita boleh berikan kontrak itu kepada pihak lain," katanya.

Pengarang The Sunday Times, Andrew Neil, dalam suratnya kepada Times semalam berkata akhbarnya tidak pernah menuduh Perdana Menteri Malaysia telah meminta atau telah diberi rasuah oleh syarikat pembinaan British, Wimpey.

The Sunday Times melaporkan Wimpey telah meluluskan bayaran AS50,000 kepada seorang orang tengah yang akan memasukkan wang itu ke dalam akaun bank Switzerland bagi pemimpin politik di Malaysia kerana membantu syarikat itu mendapatkan kontrak bagi membina kilang melebur aluminium.

Kerajaan Malaysia menyifatkan laporan The Sunday Times itu sebagai satu pembbohongan.

Dt Mahathir menegaskan tidak ada rancangan untuk membina kilang seperti itu di negara ini. -- Bernama.-

MGM YBY OA

04/02/88 15488